

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIISNIN: 13 DISEMBER 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 6,14 HINGGA 44)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5 DAN 7
HINGGA 13**

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA PERTANYAAN :

LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Seri Zahrain Ivtohamed
Hashim [Bayan Baru]**

TARIKH : 13.12.2010 (Isnin)

NO. SOALAN : ^

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta
IVfENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan apakah niiai perdagangan melaiui
“hafat hub” sehingga kini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

**Haiai Industry Development Corporation (HDC) merupakan
agensi utama Kerajaan yang berperanan bagi menggaiak dan
menyelaras pembangunan Industri Hafal termasuk menarik
pelaburan ke Taman-taman Haial atau *Halal Hub* di Malaysia.**

Untuk makluman, Taman-Taman Halai ini dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau swasta. Pada masa ini, sejumlah 20 Taman Halai telah berjaya diwujudkan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 Taman Halai telah beroperasi iaitu:

- (1) Selangor Halai Hub, Pulau Indah;
- (2) PKFZ Halai Flagship Zone, Pulau Indah;
- (3) Melaka Halai Hub, Serkam;
- (4) Pedas Halai Park, Negeri Sembilan;
- (5) Tanjung Manis Halai Hub, Sarawak;
- (6) techpark@enstek, Nilai, Negeri Sembilan;
- (7) Pengkalan Chepa Halai Food Park, Kelantan; dan
- (8) Penang International Halai Hub.

Taman-taman Halai yang lain masih lagi dalam proses perancangan atau di peringkat pembangunan.

Berdasarkan perangkaan terkini Jabatan Perangkaan, yang diperolehi melalui sistem *e-declaration* bagi tempoh Januari hingga Jun 2010, anggaran perdagangan halai Malaysia ialah RM12.5 billion. Nilai eksport produk halai adalah berjumlah RM10.33 billion. RM26 juta

daripada nifai perdagangan tersebut adalah melaiui saSah sebuah syarikat di Selangor Haial Hub, Pulau Indah. Buat masa ini, hanya syarikat tersebut iaitu Syarikat Oleon Sdn. Bhd. menjalankan perdagangan produk halai manakala syarikat-syarikat lain masih dafam proses memulakan operasi.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGKALAN KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : Y.B.DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [
PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 13 DISEMBER 2010 [ISNIN]

SOALAN :

Dato" Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah ada satu garis panduan yang jelas dan seragam oleh JAKIM dan Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri berkaitan dengan lawatan orang bukan Islam ke Masjid dan Surau tanpa mengekang usaha- usaha dakwah.

1

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR SVSEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
)

Tuan Yang di-Pertua,

Islam adalah agama yang menggalakkan umatnya untuk berdakwah menyampaikan ilmu bukan sahaja kepada umat Islam sendiri bahkan kepada bukan Islam. Kehadiran . pelancong ke masjid adalah baik untuk memperkenalkan islam.

Oleh itu, untuk menjaga dan memelihara masjid dari dimasuki orang bukan Islam sewenang-wenangnya, JAKIM telah menyediakan satu Garis Panduan Pelancongan Bukan—Islam—Ziarsdn Masjid yang jelas merangkumi etika pemakaian, etika perlakuan, waktu lawatan dan kawasan lawatan yang akan menjadi rujukan kepada institusi masjid, agensi pelancongan dan pelawat masjid. Garis panduan ini akan diedarkan ke seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED

(PULAI)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

13.12.2010

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bonus yang dibayar kepada kakitangan Lembaga

Hasil Dalam Negeri sejak sistem taksiran sendiri diperkenalkan. Sila jelaskan sama ada bonus ini dibayar dari jumlah taksiran yang dibuat atau jumlah cukai yang dikutip dalam tahun taksiran berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembayaran bonus pegawai dan kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dibayar daripada peruntukan Kerajaan memandangkan cukai hasil yang dipungut oleh LHDNM akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan. Kadar pembayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan LHDNM sejak sistem taksiran sendiri diperkenalkan dalam Tahun 2001 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Kadar	Implikasi Kewangan (RM)
1.	2001	2 bulan	26.39 juta
2.	2002	2 bulan	45.6 juta
3.	2003	1.5 bulan	11.7juta
4.	2004	2.5 bulan	81.42 juta
5.	2005	3 bulan	52.9 juta
6.	2006	3 bulan	111.1 juta
7.	2007	3.5 bulan	84.4 juta
8.	2008	3.5 bulan	93.28 juta
9.	2009	1.5 bulan	57.99 juta

Bayaran bonus tidak berdasarkan kepada jumlah taksiran yang dibuat atau jumlah cukai yang dikutip dalam tahun berkenaan. Bonus LHDNM merupakan insentif oleh Kerajaan berasaskan prestasi LHDNM dalam tahun yang berkenaan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS 2010**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO, KAMARUL BAHARAIN
[TELOK KEMANG**

BIN ABBAS

TARIKH : 13 DISEMBER 2010 [ISNIN]

SOALAN:

NO. SOALAN: '....

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) jumlah pengagihan zakat yang telah dikeluarkan mengikut negeri dan data terperinci pada tahun 2005 hingga 2009; dan
- b) cara mana pihak pengurusan dan jumlah pegawai yang ditugaskan supaya dapat mengenal pasti mereka yang benar-benar layak mendapat bantuan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pengurusan zakat adalah di luar bidang kuasa Kerajaan dan agensi Persekutuan, sebaliknya pengurusan zakat sama ada kutipan mahupun agihannya adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Negeri-negeri, agihan zakat bagi tahun 2005 adalah berjumlah RM420 juta.

Pada tahun berikutnya (2006), jumlah agihan meningkat sebanyak 18% atau RM77 juta menjadikan jumlahnya sebanyak RM497 juta. Jumlah agihan terus meningkat pada tahun 2007 sebanyak 31% atau RM154 juta menjadikan jumlahnya RM652 juta. Pada tahun 2008 pula, jumlah agihan meningkat 14% dengan pertambahan sebanyak RM97 juta menjadikan jumlah agihan sebanyak RM749 juta. Manakala pada tahun lalu (2009), agihan zakat seluruh negara berjumlah RM1.02 billion, menokok sebanyak RM251.1 juta atau 36% dari tahun sebelumnya.

b) Terdapat dua kaedah utama yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan agensi zakatnya bagi menyalurkan bantuan dana zakat kepada golongan asnaf. Kaedah pertama adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan kedua melalui pendekatan 'turun padang' di mana pegawai pengurusan zakat mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan.

Bagi memastikan permohonan benar-benar layak menerima bantuan dana zakat, permohonan yang diterima akan disemak, diteliti dan disiasat oleh pegawai penyiasat yang bertanggungjawab mengunjungi, menemui dan menemuduga pemohon bagi memastikan mereka benar-benar layak menerima wang zakat. Bantuan Imam Masjid, Ketua Kampung, Pengerusi JKKK, jika perlu akan diminta bagi mengenalpasti latarbelakang pemohon.

Hasil penemuan atau sisatan akan dilaporkan kepada pihak pengurusan yang akan menyediakan kertas untuk pertimbangan Lembaga atau Jawatankuasa khas yang ditubuhkan tertakluk kepada kecil atau besarnya nilai bantuan yang diperlukan. Kelulusan akan hanya diberikan setelah semua pihak terlibat berpuas hati bahawa pemohon adalah terdiri dari mereka yang benar-benar layak menerima bantuan dana zakat.

(Menegenai bilangan atau kapasiti pegawai dan kakitangan yang menguruskan tugas pengagihan bantuan zakat, ianya berbeza antara negeri, tetapi jumlahnya dalam lingkungan 15 hingga 60 orang. Misalnya pegawai terlibat dalam tugas pengagihan zakat di negeri Melaka adalah seramai 31 orang, Majlis Agama Islam Pahang seramai 58 orang,

Selangor 28 orang, Johor 31 orang dan Wilayah Persekutuan seramai 16 orang.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ONG KA CHUAN

[TAN JONG MALI M]

TARIKH

13 DISEMBER 2010

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang pengurusan bahan buangan sisa toksik yang lebih komprehensif bagi merangkumi tindakan seperti mewajibkan pengeluar bertanggungjawab ke atas barangan buatannya dan juga pengawalan pengimportan barang-barang elektronik terpakai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang yang komprehensif untuk mengawal buangan toksik telah digubal dan dikuatkuasakan di Malaysia sejak 1989. Peraturan tersebut telah dipinda pada tahun 2005 dan mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi mengawal buangan toksik dan berbahaya termasuk buangan barangan elektrik dan elektronik yang dihasilkan di dalam negara serta untuk mengawal pengimportan barang-barang elektronik terpakai

dari luar negara. Peraturan ini dikenali sebagai Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Di samping itu, pengimportan dan pengeksportan buangan toksik dan berbahaya juga tertakluk kepada kepada Konvensyen Basel (*Basel Convention on the Transboundary Movement of Hazardous Wastes and their Disposal*) yang mana Malaysia adalah parti kepada konvensyen tersebut sejak tahun 1993. Sebarang pengimportan dan pengeksportan buangan tersebut perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Bagi memperkemaskan lagi kawalan ke atas barangan elektronik dan elektrik terpakai atau yang telah tamat tempoh hayatnya, Jabatan Alam Sekitar sedang mengkaji tentang kaedah dan mekanisme yang sesuai dan boleh digunakan di Malaysia supaya pengeluar barangan elektronik dan elektrik bertanggungjawab untuk mengambil balik barangan elektronik dan elektrik tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****PERTANYAAN****LISAN****DARIPADA****YB. Dato⁵ Johari bin Abdul
[Sungai Petani]****TARIKH****13.12.2010 (Isnin)****NO. SOALAN :****2^**

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pada 2009 Halal industry Development Corporation mensasarkan RM500 juta dalam menarik pelaburan asing (FDI)

- (a) adakah jumlah yang disasarkan tercapai; dan**
- (b) Jika tidak, apakah sebab utama yang mengakibatkan kegagalan itu.**

JAWAPAN
Tuan Yang Di Pertua,

Halal Industry Development Corporation (HDC) telah mensasarkan pencapaian jumlah pelaburan langsung asing bernilai RR/1500 juta pada tahun 2009. Jumlah yang disasarkan ini telahpun tercapai malahan melebihi sasaran yang ditetapkan.

Bagi tahun 2009, tiga (3) buah projek telah diluluskan pakej insentif halal melalui HDC yang melibatkan pelaburan berjumlah RM970 juta. Syarikat-syarikat berkenaan termasuklah

- **Syarikat Concept Amenities Sdn.Bhd. daripada Australia bagi mengeluarkan barangan kosmetik dan penjagaan diri (*cosmetic and personal care*) halal di Taman Halal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dengan nilai pelaburan sebanyak RM 400 juta ;**
- **Syarikat PML Diaries Sdn.Bhd. yang kini di peringkat membangunkan kilang pengeluaran di Selangor Halal Hab, Pulau Indah dengan nilai**

pelaburan sebanyak RM350 juta untuk mengeluarkan produk *sweetened condensed milk, evaporated milk, sterilized milk, pasteurized milk* dan *pasteurized juice* ; dan

- Syarikat Cargill Palm Products Sdn.Bhd. daripada Amerika Syarikat dengan nilai pelaburan sebanyak RM 220 juta untuk mengeluarkan barangan berasaskan bahan dan kandungan haii (*Halai Ingredients*) di Taman Haii PKFZ.

Kerajaan menerusi HDC akan terus mengambii inisiatif untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan melabur di dalam pengeluaran produk haii dan menyediakan perkhidmatan berkaitan haii di Malaysia. Bagi menggalakkan pelaburan di dalam industri ini, insentif haii juga disediakan bagi pelabur- pelabur yang bercadang untuk menempatkan projek- projek mereka di dalam Taman-Taman Haii (Haii Parks) di negara ini.

HDC juga turut bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

dan Perbadanan Enterpris Kecil dan Sederhana (SME Corp) untuk menyertai IVlisi-Misi Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara anjuran pihak-pihak yang berkenaan bagi menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) di samping meningkatkan kesedaran mengenai halal untuk menggalakkan pelaburan langsung tempatan (DDI) serta mempromosikan industri halal Malaysia di peringkat antarabangsa dan juga tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

YB DATUK AZALINA BINTI DATO'

OTHMAN SAID [Pengerang]

TARIKH

13DISEMBER 2010

SOALAN

**Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta PERDANA MENTERI menyatakan 'Hari Malaysia' pada 16 September dan bukannya pada 9 Ogos bersamaan tarikh keiurnya Singapura dari Malaysia.
Tuan Yang di-Pertua,**

JAWAPAN:

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Singapura telah keluar daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965, walhal Malaysia telah ditubuhkan dua tahun lebih awal pada 16 September 1963. Tindakan Singapura keluar daripada Malaysia tidak memberi sebarang kesan memandangkan Malaysia telah secara rasmi ditubuhkan pada 16 September 1963.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengistiharkan 16 September sebagai Hari Malaysia. Hari penubuhan inilah yang perlu disambut oleh rakyat Malaysia dengan semangat perpaduan.

Sekian, terima kasih.

Nt'-ZD

NO. AUM : 11

NO. AUP : y°

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

[KUALA TERENGGANU]

TARIKH **13 DISEMBER 2010**

RUJUKAN **3150**

SOALAN:

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah kebenaran kenyataan yang telah dibuat oleh bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan yang Kementerian Dalam Negeri campur tangan dan terlibat secara langsung sehingga menjejaskan proses siasatan polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama lapan (8) pertanyaan yang lain iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh bertarikh 14 Oktober 2010 soalan nombor 19, Yang Berhormat Arau bertarikh 10 November 2010 soalan nombor 24, Yang Berhormat Pokok Sena bertarikh 22 November 2010 soalan nombor 17, Yang Berhormat Pendang bertarikh 25 November 2010 soalan nombor 33, Yang Berhormat Bachok bertarikh 1 Disember 2010 soalan nombor 19, Yang Berhormat Machang bertarikh 6 Disember 2010 soalan nombor 33, Yang Berhormat Kuala Terengganu bertarikh 13 Disember 2010 soalan nombor 11 dan Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 14 Disember 2010 soalan nombor 12 kerana pertanyaan- pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini, mengikut seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis. Sehubungan dengan ini juga, mengikut *Ministers of the Federal Government Order* dengan izin, Menteri Dalam Negeri ialah menteri yang bertanggungjawab mengenai polis.

Selain itu, Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Pengerusi

Suruhanjaya Pasukan Polis adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas polis; di mana fungsi-fungsi Suruhanjaya ialah untuk menguruskan pelantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib ke atas semua pegawai dan anggota polis termasuklah Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan polis.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, mantan Ketua Polis Negara telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 12 September 2006 dan dilanjutkan perkhidmatan secara kontrak sebanyak dua (2) kali untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 13 September 2007 dan tempoh kontrak beliau berakhir pada 12 September 2010. Sebelum berakhirnya tempoh kontrak beliau, Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada beliau bahawa kontrak beliau tidak akan dilanjutkan. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beliau tidak dimaklumkan terlebih dahulu mengenai status perkhidmatan kontraknya adalah tidak benar.

Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan ini dan mengambil apa-apa tindakan ke atas beliau. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Polis Negara di atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau kepada Negara.

Dakwaan mantan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan iaitu terdapat

Tuan Yang Dipertua

campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis adalah tidak berasas. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan keselamatan Negara dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Selain itu aspek kebajikan anggota-anggota polis dan penambahbaikan prasarana turut diberi keutamaan oleh pihak kementerian.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa kementerian dan PDRM sentiasa bekerjasama untuk menjalankan tugas dengan cekap, bertanggungjawab dan profesional.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS _____ **(2010)** _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MATULUDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH : 13 DISEMBER 2010

SOALAN:

TUAN HAJI MATULUDI BIN HAJI JUSOH minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji undang-undang berhubung dengan kes khalwat dan zina supaya hukuman lebih berat diperkenalkan sebagai usaha awal membendung perbuatan tidak bermoral ini dan seterusnya mengatasi masalah sosial seperti pengguguran haram dan pembuangan bayi.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kesalahan-kesalahan syariah di negara ini telah dikanun dan diperuntukkan di dalam Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri yang mana merangkumi kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya dan kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan termasuk kesalahan khalwat dan persetubuhan luar nikah (zina). Walau bagaimana pun, pengguguran haram dan pembuangan bayi tidak terdapat dalam Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang berkuatkuasa di negeri-negeri pada masa ini. Namun begitu, kesalahan membunuh dan pengguguran anak telah diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan.

Pada masa ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara (JPN) menjalankan kajian bagi mempertingkatkan hukuman ke atas pesalah-pesalah syariah. Langkah yang telah diambil ialah meneliti dan mengkaji untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 supaya hukumannya dapat dipertingkatkan dari yang sedia ada iaitu penjara tidak melebihi 3 tahun, denda tidak melebihi RM5,000.00 dan sebat tidak melebihi 6 kali sebatan. Akta ini kali terakhir dipinda kira-kira 25 tahun yang lalu (tahun 1984).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF**

[RANTAU PANJANG]

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **13.12.2010**

Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Akaun Belum Terima yang melibatkan cukai perkhidmatan dan perdagangan dalam negara serta apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat- syarikat yang gagal membayar cukai dan jumlah kes yang terlibat setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2010, jumlah Akaun Belum Terima (ABT) bagi cukai tidak langsung yang merangkumi duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan lain-lain adalah sebanyak RM360 juta. Antara tindakan yang diambil terhadap syarikat-syarikat yang gagal membayar cukai adalah seperti berikut:

- i. mengesan dan menggesa syarikat membayar kesemua ABT dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);

- ii. memberi kemudahan bayaran ansuran bagi kes biasa, serta menjalankan audit dan siasatan supaya bayaran dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan;
- iii. mengambil tindakan melalui proses pendakwaan di mahkamah; dan
- iv. menyenarai hitam individu pemilik syarikat di Jabatan Imigresen Malaysia supaya mereka yang tidak menjelaskan ABT disekat daripada membuat perjalanan ke luar negara.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kes ABT bagi cukai tidak langsung sehingga 30 September 2010 adalah sebanyak 8,843 kes.

SOALAN NO :

23 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]
TARIKH	13 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu atau terkini yang didapati memberi kesan negatif kepada kewangan negara dan perlu dikaji semula untuk tindakan selanjutnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam merangka projek Rancangan

Pembangunan Lima Tahun Negara, Kerajaan sentiasa mengkaji impak sesuatu projek ke atas sosioekonomi dan kedudukan kewangan negara. Di peringkat perancangan, projek-projek yang memberi kesan negatif dari segi analisis kos faedah digugurkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), terdapat banyak pembaharuan telah diperkenalkan bagi memastikan projek-projek yang diluluskan benar-benar dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat tanpa memberi kesan besar kepada kedudukan fiskal negara. Antaranya, pengenalan konsep *rolling plan 2* tahun, pendekatan berasaskan *outcome* dan amalan pengurusan nilai serta penyediaan pelan pelaksanaan inisiatif RMKe-10 yang berasaskan program nasional.

Pendekatan *rolling plan 2* tahun merupakan kaedah terbaru yang mana peruntukan pembangunan disediakan untuk setiap dua tahun tempoh rancangan dan dikaji semula secara tahunan. Projek yang sedia dilaksanakan (*cangkul ready*) dan

berupaya mencapai *outcome* yang telah ditetapkan akan diberikan keutamaan. Peruntukan siling dwi tahunan memberi fleksibiliti kepada Kerajaan untuk mengkaji semula keutamaan projek dan berasaskan kedudukan kewangan semasa. Ini dapat mengelakkan *overcommitment*

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan berasaskan *outcome* pula digunakan bagi memudahkan pengukuran KPI. Ini disokong dengan penyediaan pelan tindakan pelaksanaan inisiatif RMKe-10 yang begitu terperinci yang menetapkan kayu pengukur (*milestone*) yang perlu dicapai, sasaran *outcome* dan KPI serta *timeline*. Penyediaan pelan tindakan yang *standard* ini akan memudahkan pemantauan dan pengesanan masalah diperingkat awal oleh agensi pemantauan iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Pengurusan Projek (PMU), MOF dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM.

Pelaksanaan program/projek berdasarkan 30 program nasional adalah untuk mengelakkan pertindihan projek antara kementerian/agensi. Ini dapat mengelakkan pembaziran sumber. Di samping itu, amalan pengurusan nilai (*value management*) diwajibkan bagi projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas. Ia bertujuan untuk meningkatkan integrasi dalam pelaksanaan projek serta memastikan projek yang dilaksanakan mampu mencapai objektif yang disasarkan dan mencapai fungsi dan kualiti projek yang ditetapkan. Selain itu, ia juga akan dapat mengelakkan reka bentuk yang tidak menyumbang kepada fungsi dan objektif projek. Ini semua akan dapat memastikan projek yang dilaksanakan memperolehi *value for money*.

InsyaAllah, Kerajaan yakin dengan pembaharuan dan pendekatan baru yang diambil ini, akan dapat memastikan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan dan mengurangkan defisit fiskal serta mengelak kemungkinan wujudnya projek-projek bermasalah yang memberi kesan negatif kepada kewangan negara.

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB TUAN KARPAL SINGH

TARIKH 13 DISEMBER 2010 (ISNIN)
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN

Tuan Karpai Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peguam yang dibatalkan daripada senarai peguam (Rolls) untuk kesalahan-kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran dan jumlah mereka yang dibatalkan yang telah pun didakwa dalam 20 tahun yang lalu.

JAWAPAN: **DATO' SERIMOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Peguam bela dan peguam cara di Malaysia berada di bawah kawal seliaan Majlis Peguam Malaysia. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Majlis Peguam Malaysia, jumlah peguam bela dan peguam cara yang berdaftar di negara ini atau dalam maksud lain mempunyai Sijil Amalan Guaman sehingga 19 Oktober 2010 ialah seramai 13,268 orang.

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Majlis Peguam Malaysia juga, dari tahun 1981 hingga 2010 seramai 300 orang peguam telah dibatalkan kelayakannya sebagai peguam bela dan peguam cara oleh Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam kerana terlibat dengan kesalahan yang antara lainnya kesalahan membabitkan penyalahgunaan wang anak guam (*monetary dishonesty*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) seramai 29 orang peguam bela dan peguam cara telah disyaki terlibat dengan pelbagai kes jenayah am sepanjang tahun 2008 sehingga tahun 2010. Siasatan juga dijalankan terhadap pelbagai kes tersebut yang antara lainnya melibatkan kesalahan menyertai perhimpunan haram, menghasut, mendatangkan kekerasan jenayah bagi tujuan mencabul dan jenayah am lain di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, 1 orang peguam bela dan peguam cara telah dituduh di Mahkamah atas kesalahan menghasut di bawah Akta Hasutan 1948 [Akta 15]. PDFIM juga mengesahkan bahawa tiada peguam bela dan peguam cara yang dikenakan tindakan atas kesalahan jenayah kongsi gelap.

Bagi kes jenayah komersil di bawah siasatan PDRM, siasatan telah dijalankan terhadap 290 orang peguam bela dan peguam cara dari tahun 1996 sehingga tahun 2010. Dalam siasatan yang dijalankan, seramai 27 orang peguam bela dan peguam cara telah dituduh di Mahkamah atas kesalahan pecah amanah, 3 orang peguam bela dan peguam cara telah

dituduh atas kesaiahan penipuan, 4 orang peguam bela dan peguam cara telah dituduh atas kesaiahan pemalsuan dokumen atau affidavit dan 1 orang peguam bela dan peguam cara dituduh atas kesaiahan lain.

Bagi siasatan kes yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), seramai 2 orang peguam bela dan peguam cara telah dihadapkan ke Mahkamah atas kesaiahan di bawah seksyen 32 Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang berkenaan dengan kuasa Pendakwa Raya untuk memperoleh maklumat dan subseksyen 11 (b) Akta yang berkenaan dengan kesaiahan memberikan atau menyetujui-terima suapan oleh ejen dari tahun 2006 sehingga tahun 2010-

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 25

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

TARIKH: 13 DISEMBER 2010

SOALAN:

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian terhadap syarikat-syarikat swasta tertentu yang tidak menghormati Bahasa Kebangsaan dan Perlembagaan Persekutuan melakukan diskriminasi apabila mereka menetapkan syarat Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina sahaja untuk mengambil pekerja.

PR-1233-L39045

JAWAPAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan gagasan 1 Malaysia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam konteks perburuhan akan memastikan majikan juga menggunakan konsep 1 Malaysia dalam konteks pengambilan pekerja dan kenaikan pangkat. Walaubagaimanapun KSM menyedari pengambilan pekerja dan kenaikan pangkat bergantung kepada kelulusan, pengalaman, prestasi dan kepakaran yang diperlukan bagi jawatan tersebut.

2. Kementerian akan memastikan para majikan mematuhi undang-undang perburuhan dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan melalui undang-undang tersebut. Dengan hal yang demikian, KSM sentiasa memantau syarikat swasta supaya tidak melakukan diskriminasi dalam pengambilan pekerja yang menjurus kepada perkauman. Sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai perkara tersebut, pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membuat siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Dasar-dasar Kerajaan yang diperkenalkan sebelum ini seperti Dasar Ekonomi Baru mengesyorkan kuota pengambilan 30% pekerja bumiputera. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan, ia mengambil kira beberapa faktor seperti keperluan pemiagaan yang dijalankan dan memberi budi bicar a kepada majikan untuk menentukan bilangan pekerja, jantina pekerja, agama dan jenis kemahiran termasuk kemahiran berbahasa yang diperlukan. Ia turut dipengaruhi oleh kekosongan jawatan, pengalaman serta spesifikasi tugas yang ditawarkan. Pihak majikan berhak untuk menentukan syarat-syarat pengambilan dan pelantikan pekeija untuk mengoptimumkan pengeluaran dan mengekalkan daya saing.

4. Oleh itu, syarat pengambilan pekerja yang boleh menguasai bahasa Inggeris atau bahasa Cina sebagai satu kelebihan untuk sesuatu jawatan mungkin berpunca daripada keperluan pekerjaan berkenaan yang memerlukan perhubungan dengan negara-negara lain atau jenis industri yang kurang sesuai dengan sesuatu agama. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menekankan bahawa pengambilan pekerja termasuk daripada kumpulan pengurusan dan eksekutif oleh pihak swasta hendaklah adil dan saksama terhadap semua kaum atau tempat asal mereka.

5. Dalam hal ini, tindakan-tindakan proaktif KSM adalah melalui pelaksanaan beberapa aktiviti bagi memastikan majikan sedar akan tanggungjawab mereka terhadap isu-isu yang melibatkan pengisian tenaga kerja daripada pelbagai kaum di syarikat-syarikat swasta. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah lawatan-lawatan promosi, dialog industri, dialog *tripartite* serta lawatan pembangunan. Penekanan komunikasi dua

hala bersama majikan telah membuka ruang kepada Kementerian untuk menyampaikan dan menerangkan mengenai kepentingan komposisi kaum yang seimbang dalam sesuatu organisasi.

**PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DEWAN TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
TARIKHRAKYAT 13 DISEMBER 2010 (ISNIN)
SOALAN NO.26
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan**

- (a) adakah Kerajaan bersedia untuk melulus serta menukarkan pinjaman PTPTN kepada biasiswa bagi lulusan graduan kelas pertama pada tahun 2006 hingga 2009. Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan; dan
- (b) jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN mula melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah yang mengecualikan bayaran balik bagi lulusan graduan kelas pertama mulai tahun 2003 sebelum dihentikan pada 1 Julai 2005 berikutan kedudukan kewangan PTPTN yang terhad. Walau bagaimanapun, dasar ini telah diperkenalkan semula mulai Januari 2010 sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri

semasa sesi pembentangan Bajet 2010 yang lalu. Langkah ini diambil atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang IPT dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu.

Bagi tempoh Januari hingga Julai 2010 PTPTN melupuskan pinjaman melebihi RM59 juta kepada 2,162 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang mendapat keputusan Kelas Pertama.

Namun begitu, para pelajar yang diluluskan pinjaman selepas 1 Julai 2005 dan tamat pengajian sebelum 1 Januari 2010 tidak dapat dipertimbangkan kemudahan tersebut. Keputusan ini terpaksa dibuat kerana kedudukan kewangan PTPTN yang terhad. Kelompok ini melibatkan 4,430 peminjam dengan amaun pembiayaan berjumlah RM116.2 juta.

NO. SOALAN:

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAISI
RAKYAT
PERTANYAAN LISA
DARIPADA N
YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
TARIKH 13 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN: :

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) penguatkuasaan salah laku dan etika amalan guaman; dan
- (b) langkah serta tindakan ke atas suara-suara provokatif dan berbau mengancam perpaduan oleh Badan-badan NGO seperti Majlis Peguam.

JAWAPAN:DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Majlis Peguam Malaysia sebagai suatu badsm yang ditubuhkan di bawah subseksyen 47(1) Akta Profesion Undang-Undang

NO. SOALAN: 77

1976 [Akta 166] bertanggungjawab dalam menyelia dan memantau

NO. SOALAN: 77

kelakuan profesional ahli-ahlinya daripada apa-apa tindakan salah laku yang bertentangan dengan etika kepeguaman dan undang-undang.

Bagi tujuan ini, suatu Lembaga Tatatertib ditubuhkan di bawah seksyen 93 Akta 166 untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana peguam bela dan peguam cara yang melakukan apa-apa salah laku sebagaimana yang telah disenaraikan di bawah subseksyen 94(3) dan 94(4) Akta 166. Antara salah laku yang tindakan boleh diambil terhadapnya ialah sabitan atas kesiaiaan jenayah, kelakuan curang atau fraud dalam menunaikan kewajipannya atau mengabaikan kepentingan kliennya.

Antara tindakan tatatertib yang boleh dikenakan ke atas mana-mana peguam bela dan peguam cara yang didapati telah melakukan salah laku ialah teguran secara bertulis (*reprimand*) atau celaan (*censured*), pengenaan denda sebanyak apa-apa jumlah yang difikirkan adil, penggantungan daripada menjalankan amalan selama apa-apa tempoh yang difikirkan patut atau pemotongan nama peguam bela dan peguam cara tersebut daripada daftara.

- (b) Jika sesuatu kenyataan yang dikeuarkan oleh mana-mana Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) itu berbaur provokatif dan mengancam perpaduan, maka tindakan boleh diambil ke atas NGO tersebut berlandaskan undang-undang yang sedia ada. Sebagai contoh, jika sesuatu pernyataan itu bersifat atau mempunyai kecenderungan untuk menghasut dan mengancam perpaduan,

NO. SOALAN: 27

tindakan boleh diambil di bawah Akta Hasiutan 1948 [Akta 75]. Perenggan 3(1) Akta 15 mentakrifkan maksud kecenderungan menghasut (*sedition tendency*) termasuklah kecenderungan bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia.

Bagi kesalahan sedemikian, seseorang itu boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta 15 iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kali pertama dan bagi kesalahan yang berikutnya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun jika disabitkan dengan kesalahan tersebut.

Selain itu, tindakan juga boleh diambil di bawah Kanun Keseksaan bagi apa-apa kenyataan yang disifatkan sebagai menggugat keharmonian dari segi agama. Perkara ini diperuntukkan di bawah seksyen 298A Kanun Keseksaan yang menyatakan bahawa sesiapa yang mengeluarkan apa-apa kenyataan sama ada secara percakapan atau bertulis, atau membuat apa-apa tanda, isyarat atau perlakuan yang boleh menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan, permusuhan, kebencian atau dengan perasaan niat jahat atau menimbulkan prejudis yang boleh memudaratkan keharmonian dan perpaduan atas sebab agama yang dianuti oleh rakyat berbilang kaum di Negara ini boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dua tahun dan tidak melebihi lima tahun.

Tindakan juga boleh diambil di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] terhadap mana-mana orang yang mericetak atau menghasilkan apa-apa penerbitan atau dokumen yang boleh dianggap sebagai mengancam perpaduan. Subseksyen 4(1) Akta 301 memperuntukkan bahawa jika seseorang itu mencetak apa-apa hasil penerbitan atau dokumen yang mengandungi perkara yang boleh menyebabkan pecah keamanan (*breach of peace*) atau menggalakkan perasaan niat jahat, perseteruan, permusuhan, kebencian, ketidakharmonian atau perpecahan, boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

tindakan akan diambil jika ada laporan yang dibuat kepada pihak polis dan seterusnya kertas siasatan berkenaan dengan laporan itu akan dibuka untuk siasatan. Tindakan pendakwaan akan ditimbang oleh pihak pendakwaan Jabatan Peguam Negara dengan sewajarnya bergantung kepada jenis kesalahan dan keterangan yang ada daripada hasil siasatan pihak polis.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO: <3&

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS [2010]**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

TARIKH 13 DISEMBER 2010

SOALAN :

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah 10 ciri di dalam pendekatan atau pengajaran ESQ 165 yang dikatakan boleh merosakkan akidah syariah Islam oleh Mufti Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN : {Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang diwartakan pada 17 Jun 2010, P.U. (B) 276, Akta Pentadbiran Undang - Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Fatwa Di Bawah Seksyen 34, Fatwa Berkenaan Dengan Kursus ESQ Leadership Training Dan Fahaman Yang Seumpama Dengannya. Ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa oleh ESQ Leadership Training anjuran Ary Ginanjar Agustian dan apa-apa ajaran yang seumpama dengannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam kerana mengandungi ajaran-ajaran yang boleh merosakkan akidah dan syariah Islam.

Ciri-ciri penyelewengan tersebut adalah seperti yang berikut:

(i) Mendukung fahaman liberalisme iaitu memahami dan mentafsir nas- nas agama (al -Quran dan Sunnah) secara bebas, dan fahaman pluralisme agama iaitu fahaman yang menganjurkan semua agama adalah sama dan benar . Kedua - dua fahaman ini adalah sesat dan boleh membawa kepada kekufuran.

(ii) Mendakwa bahawa para Nabi mencapai kebenaran melalui pengalaman dan pencarian. Ini bercanggah dengan akidah Islam tentang Nabi dan Rasul. Menurut akidah ahli sunnah wal jamaah kenabian dan kerasulan adalah pilihan Allah semata- ma ta dan bukan sesuatu yang boleh diusahakan.

(iii) Mencampuradukkan ajaran kerohanian bukan Islam dengan ajaran Islam. SQ adalah penemuan seorang Yahudi, Danah Zohar manakala God Spot adalah hasil kajian seorang Hindu, VS Ramachandran. Kedua - dua penemuan ini disahkan oleh ayat Al - Quran (Al- Hajj ayat 46)

(iv) Menekankan konsep suara hati atau conscience sebagai sumber rujukan utama dalam menentukan baik dan buruk sesuatu perbuatan. Konsep suara hati merupakan ajaran paling suci dalam agama Kristian. Konsep suara hati juga merupakan ajaran agama Hindu.

(v) Menjadikan logik sebagai sumber rujukan utama. Ini bertentangan dengan akidah Islam yang menetapkan Al - Quran dan Sunnah sebagai sumber rujukan utama.

(vi) Mengingkari mukjizat dan menganggapnya tidak boleh diterima oleh akal dan tidak sesuai dengan zaman sekarang yang serba logik. Mengingkari mukjizat adalah kufur dengan ijmak para ulamak kerana ia bermakna mengingkari nas-nas Al Quran dan Hadith Mutawatir yang mensabitkan mukjizat para Nabi.

(vii) Menggunakan kod 19 rekaan Rasyad Kahlifah untuk mentafsir Al Quran. Rasyad Khalifah mengaku dirinya sebagai rasul dan membawa agama baru yang dinamakan submission. Teori kod 19 dianggap lebih tinggi daripada Al Quran kerana mengikut teori ini , ayat-ayat Al Quran perlu dibuang atau ditambah bagi menyesuaikan dengan kod 19.

(viii) Menyamakan bacaan Al Fatihah sebanyak 17 kali sehari oleh orang Islam

dengan ajaran Bushido oleh orang Jepun yang berteraskan ajaran ajaran Buddha.

(ix) Mendakwa bahawa kekuatan luar biasa seperti mukjizat boleh berlaku melalui rumus ZMP (Zero Mind Process).Melalui rumus ZMP ini ESQ mengiaskan bahawa mukjizat Nabi Musa a.s diselamatkan daripada Firaun boleh juga berlaku kepada orang lain seperti juga yang berlaku kepada juruterbang Kapten Abdul Razak. Kefahaman mukjizat seperti ini merupakan ajaran agama Hindu seperti yang diterangkan oleh Swami Vivikenanda

(x) Mentafsirkan makna kalimah syahadah dengan triple one. Ini adalah tafsiran bidaah dan sesat. Dalam konteks akidah triple one digunakan oleh Kristian untuk menghuraikan konsep Trinity.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARI PADA **Y.B. DATUK WEE JECK SENG**
 (TANJONG PIAI)

TARIKH **13.12.2010**

SOALAN:

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan proses pembinaan 6 buah Sekolah Cina baru yang dijanjikan pada 2008 yang bertempat di Danga bay, Johor (SJK (C) Pei Hwa 2); Sungai Long; Kajang Utama; Rawang (SJK (C) Kota Emerald); Serdang (SJK (C) Bukit Serdang); dan Wangsa Maju (SJK (C) Wangsa Maju).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada semua tanpa mengira kaum dan agama di negara ini. KPM sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan pendidikan dalam memastikan pembangunan modal insan yang lebih berkesan tanpa mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana jenis sekolah yang terdapat di dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Mengenai status pembinaan 6 buah SJKC seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa SJKC Emerald Rawang telah selesai pemerolehan tapak sekolah dan sedang menunggu pengeluaran cek dari KPM. Manakala selebihnya iaitu SJKC Pei Hwa 2, Danga Bay, Johor, SJKC Bukit

Serdang, Serdang, Selangor, SJKC Taman Prima Saujana, Kajang, Selangor, SJKC Sungai Long, Cheras, Selangor dan SJKC Wangsa Maju, Kuala Lumpur, pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dalam proses membuat perolehan tanah, penyediaan pelan bangunan, atau mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk kelulusan oleh pihak berkuasa tempatan.

Rjm 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]
TARIKH	13 DISEMBER 2010
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Bilangan lawatan Kementerian Pelancongan ke luar negara sejak April 2009 mengikut kos setiap lawatan, nama Bandar yang dilawat, tujuannya, senarai nama orang yang mengiring dalam setiap lawatan tersebut dan apakah pencapaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh April 2009 hingga Oktober 2010, Kementerian Pelancongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan telah melaksanakan sebanyak 7 misi galakkan pelancongan ke Asia Tenggara, 2 misi galakkan pelancongan ke Asia Barat dan Asia Selatan, 5 misi galakkan pelancongan ke Eropah dan Ocenia serta 12 misi galakkan pelancongan ke Asia Utara dan Asia Timur.

Misi-misi galakkan ini di adakan ke atas negara-negara yang mempunyai kepentingan dari segi penarikan para pelancong asing dengan tujuan untuk:

- (i) menunjukkan kepada industri pelancongan negara-negara berkaitan bahawa Malaysia serius dan komited dalam memenuhi kehendak para pelancong serta menjamin kualiti perkhidmatan yang dijanjikan, lantas meningkatkan keyakinan agen-agen pelancong, media serta pelancong di pasaran-pasaran yang disasarkan. Penggiat industri antarabangsa juga menghargai representasi peringkat

tertinggi seperti Menteri dalam melaksanakan misi promosi pelancongan. Ini memberi impak yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan misi promosi yang diwakili di peringkat

pegawai.

- (ii) secara langsung, Menteri Pelancongan dapat mempromosikan dan menerangkan konsep produk-produk baru kepada agen-agen pelancongan asing, seperti *Parks and Garden, Heritage Tour, Malaysia Railway Tourism, Third Golden Age Packages*, dan *Contemporary Arts*.
- (iii) Menteri Pelancongan akan mendapat akses secara langsung kepada media negara asing, melalui wawancara eksklusif dan sidang media. Dengan ini, usaha mempromosikan produk pelancongan Malaysia dapat dilaksanakan secara terus kepada penduduk negara tersebut dalam bahasa mereka sendiri melalui medium-medium seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah dan laman web yang menayangkan imej-imej Malaysia.
- (iv) Menteri Pelancongan juga berpeluang untuk bertemu dan berbincang dengan tokoh-tokoh korporat, pemimpin- pemimpin NGO, dan para cendekiawan yang mempunyai potensi yang tinggi untuk melawat Malaysia di mana mereka mampu untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih tinggi.
- (v) perjumpaan Menteri Pelancongan dengan *decision makers*,

seperti Menteri-Menteri Pelancongan negara asing termasuk Gabenor dan Datuk Bandar turut dapat meningkatkan keyakinan serta memperlihatkan komitmen Malaysia dalam memastikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan terbaik. Tambahan pula, perjumpaan peringkat tertinggi sebegini memberi peluang untuk memperjelaskan isu-isu yang ingin diketahui oleh mereka seperti keadaan kestabilan politik, kadar jenayah serta penularan wabah H1N1 di Malaysia, di mana ia perlu diperjelaskan dengan tepat supaya imej Malaysia terjamin di mata dunia.

- (vi) Menteri Pelancongan juga dapat berbincang dengan Pejabat Tourism Malaysia serta Duta-Duta Malaysia di luar negara untuk mengkaji peranan, strategi serta keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan oleh pejabat Tourism Malaysia serta isu-isu berkaitan visa yang dikendalikan oleh Kerajaan Malaysia di luar negara.
- (vii) mengeratkan kerjasama serantau di dalam sektor pelancongan terutama dengan negara-negara ASEAN di mana Malaysia dilihat sebagai peneraju industri pelancongan di rantau ini. Malaysia kini mempengerusikan Kumpulan Kerja Pelaburan Sektor Pelancongan serta pengerusi bersama dengan Singapura di dalam Kumpulan Kerja *Cruise*.

Untuk makluman Yang Berhormat, bandar-bandar, tarikh serta kos pelaksanaan misi galakkan pelancongan ini adalah seperti berikut:

ASIA TENGGARA

- i) ASEAN Ministers Trail Of Civilization Forum, 7 - 10 Mei 2009 di Borobudur, Jakarta, dengan jumlah kos RM20,858.
- ii) Forum yang sama turut diadakan pada 27 hingga 29 April 2010 di Seam Reap, Cambodia dengan jumlah kos RM43,875.
- iii) Mengiringi YAB Perdana Menteri ke Brunei Darussalam, 4 - 6 Ogos 2009, ditaja oleh Kerajaan Brunei/Wisma Putra.
- iv) Misi galakkan pelancongan ke Singapura, 14 - 16 Disember 2009, dengan jumlah kos RM16,446.
- v) Misi galakkan pelancongan ke Thailand, 2-7 September 2010, yang meliputi bandar Phuket, Pattaya, Bangkok dan Chiang Mai, dengan jumlah kos RM44,800.
- vi) Misi galakkan pelancongan ke Singapura, 1-2 Oktober 2010, dengan jumlah kos RM7,460.

- vii) ASEAN Tourism Forum, 23 - 29 Januari 2010 di Bandar Seri Begawan, Brunei, dengan jumlah kos RM35,756.

ASIA UTARA DAN ASIA TIMUR

- i) Misi galakkan pelancongan ke Jepun dan China, 23 April hingga 1 Mei 2009 di bandar Beijing, Shanghai, Guangzhou, Tokyo dan Osaka, dengan jumlah kos RM84,810.
- ii) Misi galakkan pelancongan ke China, 19-24 Julai 2009 yang diadakan di bandar Beijing, Shanghai, Wuhan dan Guangzhou, dengan jumlah kos RM99,280.
- iii) Misi galakkan pelancongan ke China, 25 - 30 Ogos 2009 yang meliputi bandar Hong Kong, Shenzhen dan Shanghai sempena majlis pecah tanah World Expo 2010, dengan jumlah kos RM79,380.
- iv) Misi galakkan pelancongan ke China, 5-9 September 2009 di Zhengzhou dan Louyang, dengan jumlah kos RM27,680 (tajaan sebahagian oleh kerajaan Henan).
- v) Misi galakkan pelancongan ke China, 18 - 25 November 2009 sempena penyertaan Malaysia di *China International Travel*

Mart (CITM) di bandar Kunming; serta misi galakkan ke Chongqing, Chengdu dan Guangzhou, dengan jumlah kos RM119,960.

- vi) Misi galakkan pelancongan serta Majlis Perasmian World Expo 2010, Shanghai, 29 April hingga 3 Mei 2010, dengan jumlah kos RM51,350.
- vii) Misi galakkan pelancongan ke Henan, China, 10 - 13 Jun 2010, yang meliputi bandar Zhengzhou, kos ditaja oleh Kerajaan Henan.
- viii) Misi galakkan pelancongan ke Hong Kong dan Shenzhen, 9 - 12 Ogos 2010, dengan jumlah kos RM53,980.
- ix) Misi galakkan pelancongan serta Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia di World Expo 2010, Shanghai 11 - 14 September 2010, dengan jumlah kos RM37,980.
- x) Misi galakkan pelancongan ke Jepun serta menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan APEC ke-6, 19 - 24 September 2010, meliputi Tokyo, Osaka dan Nara, dengan jumlah kos RM62,020.
- xi) Misi galakkan pelancongan serta menghadiri *Guangzhou*

International Tourism Culture Festival, 24 - 27 September
2010 di bandar Haikou, Guangzhou, jumlah kos RM65,810.

- xii) Misi galakkan pelancongan ke Korea Selatan serta menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan T20 ke-2, telah diadakan di Seoul, Korea, 10 - 14 Oktober 2010, dengan jumlah kos RM43,680.

ASIA BARAT DAN ASIA SELATAN

- i) Misi galakkan pelancongan ke India, 16 - 23 Ogos 2009, yang meliputi bandar New Delhi, Mumbai, Chennai, Bangalore, Hyderabad, dengan jumlah kos RM123,000.
- ii) Arabian Travel Market di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) serta ke Kuwait dan Qatar, 4 - 12 Mei 2010, dengan kos RM97,000.

EROPAH DAN OCEANIA

- i) Misi galakkan ke Eropah dan Chelsea Flower Show, 13 - 26 Mei 2009 yang meliputi bandar Amsterdam, The Hague, London dan Paris, dengan jumlah kos RM236,340.
- ii) Misi galakkan pelancongan ke Russia, Kazakstan dan Ukraine

sempena Mesyuarat UNWTO di Astana, Kazakstan, 27 September hingga 9 Oktober 2009, yang meliputi bandar St. Petersburg, Moscow, Almaty, Astana dan Kiev dengan jumlah kos RM416,320.

iii) Misi galakkan ke Eropah sempena World Travel Market yang meliputi Stockholm, Helsinki, Copenhagen dan London, 30 Oktober hingga 10 November 2009, dengan jumlah kos RM299,400.

iv) Chelsea Flower Show - Malaysia Show Garden, London dan Misi galakkan pelancongan ke Jerman dan Italy, 25 - 31 Mei 2010 di bandar London, Munich dan Milan, dengan jumlah kos RM491,987.

v) Misi galakkan pelancongan ke Australia dan New Zealand, 18 hingga 29 Ogos 2010 yang meliputi bandar Sydney, Melbourne, Adelaide, Auckland, Queenstown, Christchurch dan Rotorua, dengan kos berjumlah RM244,720.

Bagi memastikan misi galakkan ini dilaksanakan dengan lancar, pegawai penyelaras misi serta pegawai pemasaran (*desk officer*) turut mengiringi YB Menteri ke misi-misi galakkan ini. Representasi mereka adalah mengikut destinasi misi galakkan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pencapaian-pencapaian hasil daripada misi-misi galakkan serta penyertaan ke Mesyuarat-mesyuarat rasmi di luar negara adalah:

- (i) Bagi tahun 2009, sumbangan hasil daripada misi galakkan dan promosi pelancongan ini, Malaysia telah mencatat peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 7.2% kepada 23.65 juta orang dan peningkatan pendapatan daripada sektor pelancongan sebanyak 7.7% kepada RM53.36 bilion. Ini merupakan pencapaian yang sangat memberangsangkan, terutama apabila pada tahun 2009, industri pelancongan dunia menghadapi trend menurun kerana kemelesetan ekonomi dunia dan penularan wabak H1N1. Seperti yang telah dinyatakan, jumlah kedatangan pelancong global telah mencatatkan penurunan 4.2% kepada seramai 880 juta pelancong dengan jumlah pendapatan bagi sektor pelancongan seluruh dunia turut menurun sebanyak 5.7% kepada USD852 bilion, berbanding tahun 2008.
- (ii) Melalui delegasi yang diketuai oleh Menteri Pelancongan semasa misi promosi ke luar negara, keyakinan dunia terhadap Malaysia sebagai sebuah negara selamat dari H1N1 meningkat. Ini bukan sahaja memulihkan prestasi sektor pelancongan negara dengan segera, malah mencatatkan peningkatan kedatangan dan pendapatan berlawanan dengan trend global pada masa itu. Impak ini

amat berbeza sekali jika dibandingkan dengan impak SARS ke atas sektor pelancongan negara pada tahun 2003, di mana kedatangan pelancong dan pendapatan sektor pelancongan menurun dengan mendadak sebanyak 20.4% kepada 10.6 juta orang dan sebanyak 17.4% kepada RM21.3 bilion.

- (iii) Buat kali pertamanya kedatangan pelancong dari negara China telah mencecah tahap 1 juta pada tahun 2009. Pencapaian ini juga turut di sumbang melalui misi galakkan pelancongan yang diketuai oleh YB Menteri ke China pada tahun 2009. Usaha ini turut diteruskan pada tahun 2010 bagi menjamin prestasi kedatangan yang lebih baik.
- (iv) Usaha misi-misi galakkan dan promosi ini juga telah meletakkan negara kita di tempat ke-9 dalam “Senarai 10 Negara Yang Mencatat Pelancong Asing Tertinggi bagi Seluruh Dunia” pada tahun 2009. Ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan kerana hanya dua negara daripada Asia sahaja yang telah berjaya mencatat rekod dalam senarai tersebut iaitu Malaysia dan China.
- (v) Industri pelancongan negara pada tahun 2010 (Januari - Ogos 2010) telah mencatat ketibaan sebanyak 16.18 juta pelancong asing iaitu peningkatan sebanyak 5.2%, berbanding tempoh

yang sama bagi tahun 2009, iaitu sebanyak 15.38 juta ketibaan. Oleh yang demikian, pada tahun 2010 pendapatan sektor pelancongan (Januari - Ogos 2010) juga turut meningkat sebanyak 6.7% kepada sebanyak RM35.2 bilion. Ini adalah peningkatan sebanyak RM2.2 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN**

KEDUA BELAS (2010)

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

**Y.B. TAN SRI DATUK PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH

13 DISEMBER 2010 31

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah jumlah permohonan TechnoFund dari negeri Sabah setakat ini, dan berapakah di antara permohonan tersebut yang telah diluluskan untuk pelaksanaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 28 September 2010, Skim TechnoFund telah menerima sebanyak 16 permohonan bagi projek yang akan dilaksanakan di negeri Sabah. Daripada 16 permohonan tersebut, Kementerian telah meluluskan sebanyak 8 projek bernilai RM19.7 juta untuk dilaksanakan di negeri Sabah.

Pembiayaan Kementerian bagi projek-projek yang dilaksanakan di negeri Sabah adalah bagi projek Bioteknologi, ICT, dan Industri. Daripada 8 projek tersebut, 7 projek masih berjalan dan satu projek sudah tamat dengan jayanya. Lokasi projek-projek tersebut meliputi kawasan Kota Marudu, Kota Belud, Kudat, Papar, Penampang dan Semporna.

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB DR.LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

TARIKH

ISNIN, 13 DISEMBER 2010

**RUJUKAN
SOALAN**

13 [PR-1233-L40026]

**Dr. Lo¹ Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan perancangan dalam mengekalkan Penempatan Kaum India (Indian Settlement) yang terletak di Kampung Pandan. Sila nyatakan dengan jelas dan telus tentang status terkini bilangan penduduk yang terlibat dan apakah perancangan yang disediakan untuk memastikan mereka tidak tertinggal dari arus pembangunan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Kampung Pandan Indian Settlement merupakan **penempatan setinggan** di atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Rizab Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan tanah kerajaan yang terletak di Mukim Ampang, Kuala Lumpur.

Jumlah asal keluarga setinggan di pertempatan ini adalah sebanyak **262 keluarga**. Mereka pernah ditawarkan untuk dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) tetapi hanya **46 keluarga** telah menerima tawaran tersebut dan telah berpindah. Pecahannya adalah seperti berikut:

- i) PPR Muhibbah (32 keluarga)
- ii) PPR Cochrane Laksamana (6 keluarga)
- iii) PPR Cochrane Perkasa (7 Keluarga)
- iv) PPR Raya Permai (1 keluarga)

Pada masa ini, baki setinggan di tapak adalah seramai 216 keluarga. Daripada jumlah tersebut, **kaum India adalah penduduk majoriti iaitu seramai 167 keluaraa**. Manakala, bakinya ialah **43 keluarga Melayu** dan **6 keluarga Cina**.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang untuk membangunkan tanah miliknya ini bagi menempatkan semula penduduk asal Kampung Pandan Indian Settlement. Bagaimanapun, cadangan ini masih di peringkat awal iaitu peringkat penyediaan Pelan Susun Atur oleh juruperunding.

Dalam pada itu, **113 keluaraa telah mengambil tindakan mahkamah** bagi membuat tuntutan mereka. Sekiranya mereka gagal, DBKL **tidak akan** mempertimbangkan sebarang tuntutan atau permohonan mereka.

NO. AUM : 19

PERTANYAAN

NO. AUP

DARIPADA

**TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

RUJUKAN LISAN

DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [Lenggong]

13 DISEMBER 2010

3151

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) apakah usaha dilakukan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen; dan
- (b) jumlah sebenar pendatang asing yang berdaftar dalam negara ini mengikut sektor pekerjaan dan negara, dan berapakah anggaran jumlah yang memasuki secara haram mengikut negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan PDRM terutama dalam usaha pencegahan jenayah di seluruh negara bagi memastikan keamanan dan keselamatan rakyat sentiasa terpelihara dan terjamin. Di antara strategi yang telah dirangka adalah seperti berikut:

Strategi jangka masa pendek:

- i. Melaksanakan tindakan pencegahan jenayah secara bersepadu dengan melibatkan penyertaan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan;
- ii. mengenai pasti kawasan panas (*hotspot*) yang seringkali berlaku jenayah dan menambahkan anggota membuat rondaan. Kehadiran polis (*police omnipresence*) juga dipertingkatkan dengan bantuan anggota tambahan dari RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM);
- iii. mengadakan operasi secara terus menerus sepanjang tahun seperti Ops Lejang yang menasaskan pengguna motosikal di seluruh negara, Ops Rentap

JAWAPAN:

bagi menangani

jenayah ragut atau samun tepi jalan dan Ops Utama Perdana bagi mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara;

- iv. menambah bilangan CCTV dan lampu jalan di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah;
- v. meningkatkan kerjasama masyarakat dan NGO dalam membantu pihak polis mambanteras jenayah melalui kempen kesedaran dan penyaluran maklumat;
- vi. memperkuat pasukan penyiasat dengan menambah bilangan pegawai penyiasat dan juga kelengkapan seperti komputer riba (*laptop*) dan kenderaan selain latihan dalam penyiasatan dan undang-undang;
- vii. Menyediakan sistem yang dipanggil "*Police Reporting System*" bagi memudahkan rakyat membuat laporan melalui laman web www.rmp.gov.my dan sistem pesanan ringkas Rakan Cop; dan
- viii. menggunakan undang-undang pencegahan.

Strategi jangka masa panjang:

- i. Menambah keanggotaan polis sebanyak 60,000 orang di bawah rancangan Penstrukturan Semula Organisasi (PSO) PDRM;
 - ii. menambah bilangan balai polis, pondok polis di

daerah yang pesat membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Daerah tersebut akan dipecahkan kepada dua (2) dan diletakkan di bawah pengawasan daerah polis yang berasingan;

- iii. membangunkan projek *Central Intelligence Unit* (CIU) bagi tujuan mempunyai pangkalan data yang bersepadu;
- iv. membuat penambahbaikan terhadap sistem komunikasi PDRM bagi memastikan PDRM dapat memberikan *respond time* yang pantas kepada jenayah yang berlaku.

Tuan Yang Di-Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia juga melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada warganegara Malaysia dan warganegara asing. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

- i. Pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) dalam tempoh satu (1) jam selepas bayaran dibuat di 42 buah pejabat Imigresen di seluruh Negara;
- ii. Pendekatan “1 Minit 1 Pelepasan” melalui penggunaan

Autogate di pintu-pintu masuk utama negara seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bharu dan Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor;

Pengeluaran Pas Khas di pintu masuk negara untuk pembantu rumah asing (PRA) kepada pelancong asing yang berkunjung ke negara ini. Kemudahan ini turut dimaklumkan kepada Kementerian Pelancongan Malaysia untuk hebahan kepada pejabat penerangan di luar negara;

Permohonan Permit Masuk dipermudahkan dengan pengenalan *self assessment point system* yang boleh dilayari di laman web Jabatan Imigresen Malaysia. Pelanggan akan terus mengetahui markah dan kelayakan untuk memohon Permit Masuk dengan mengunci masuk butiran maklumat yang diperlukan dan jumlah markah yang diperolehi oleh pelanggan akan dipaparkan;

Pemberian kelulusan automatik Pas Penggajian kepada pegawai dagang yang bergaji melebihi RM8,000.00;

Pemberian kemudahan Transit Tanpa Visa selama 120 jam kepada pelancong-pelancong asing dari empat (4) buah negara iaitu Sri Lanka, Pakistan, India dan Bangladesh yang transit di Malaysia. Langkah ini diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai usaha untuk menarik ramai pelancong asing ke Malaysia;

Pengecualian *cooling off period* kepada pegawai dagang yang ingin bekerja di Negara ini. Tujuannya adalah menarik dan memudahkan pelabur asing menjalankan perniagaan dan

membawa pelaburan luar ke Negara ini;

- viii. Malaysia Automated Clearance System (MACS) dilaksanakan di pintu masuk darat Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru dan Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor untuk memberi kemudahan kepada pelabur bukan warganegara Malaysia, peniaga dan golongan profesional selaras dengan pembangunan ekonomi Wilayah Iskandar Johor. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada warganegara Singapura yang kerap keluar dan masuk Malaysia atas tujuan bekerja, belajar dan tinggal di Malaysia;
 - ix. Urusan permohonan bagi Pas Sempadan dibuka pada hari minggu (Jumaat dan Sabtu) di pintu-pintu masuk Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga. Usaha ini telah berjaya meningkatkan pengeluaran Pas Sempadan dalam urusan keluar/masuk kepada 80 hingga 100 orang sehari pada waktu cuti mingguan. Selain itu ia juga dapat mengurangkan kesesakan di Pejabat Imigresen Negeri di Kota Bharu;
 - x. Pelaksanaan kaedah kutipan hasil menggunakan kad kredit di kaunter pasport (sistem *e-payment*) dan
 - xi. Pelaksanaan kaedah kutipan hasil melalui MYEG bagi pembaharuan lanjutan pas kerja bagi pembantu rumah asing (PRA) (bayaran dibuat secara atas talian).
- (b) Sehingga bulan Ogos 2010 Jabatan Imigresen Malaysia telah merekodkan jumlah pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (iaitu pekerja asing pelbagai sektor) seramai 1,048,362 orang. Manakala

bagi pemegang PERMIS (Pegawai Dagang) pula, terdapat seramai 32,058 orang pemegang aktif yang telah direkodkan di Semenanjung Malaysia bagi tempoh yang sama.

PERTANYAAN

Kementerian tidak mempunyai rekod jumlah warganegara asing yang masuk ke negara ini secara haram, memandangkan kemasukan mereka ini adalah secara tidak sah, samada tidak melalui pintu masuk yang telah diwartakan mahupun tanpa dokumentasi, dan tidak direkodkan oleh mana-mana agensi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	YB Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]
TARIKH	13 Disember 2010 (Isnin)
SOALAN	34

YB Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa tanah-tanah KTMB dijual dengan harga yang begitu rendah dan tidak pula menjamin kemudahan perumahan kepada penghuni miskin yang telah menghuni begitu lama di tapak-tapak tanah tersebut. Apa kewajarannya KTMB menjual tanah di Bangsar yang bernilai lebih RM300 juta dengan harga RM50 juta sahaja.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, hanya satu lot tanah hak milik kerajaan di bawah perletahakan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) iaitu di Bangsar yang telah dijual dengan harga RM200 juta, bukan RM50 juta sebagaimana dinyatakan oleh YB Permatang Pauh. Tanah tersebut telah dijual kepada Pelaburan Hartanah Berhad (PHB).

Keputusan Kerajaan menjual tanah di Bangsar kepada PHB telah dibuat semasa pembentangan bajet 2007 pada bulan September 2006 oleh mantan YAB

Perdana Menteri iaitu YB Tun Abdullah Bin Ahmad Badawi. Beliau telah memaklumkan bahawa Kerajaan akan menubuhkan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dan beberapa tanah yang dipunyai oleh Kerajaan di lokasi yang strategik dan berpotensi untuk dimajukan akan diambilalih oleh PHB. PHB akan memajukan dan memiliki hartanah tersebut. Dalam jangka panjang ianya dapat meningkatkan kedudukan pemilikan hartanah oleh Bumiputera dan mengimbangi kedudukan ekonomi antara kaum.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2010 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB TUAN KAMALANATHAN
A/LPANCHANATHAN
(HULU SELANGOR)**

TARIKH

13 DISEMBER 2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan:

adakah Kementerian sedar terdapat 16 perkampungan Orang Asli di kawasan Parlimen Hulu Selangor namun hanya terdapat satu daripada perkampungan ini telah mendapat status tanah rizab untuk perkampungan mereka. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak Kementerian untuk menambahkan bilangan perkampungan Orang Asli yang diberi pengiktirafan tanah rizab untuk perkampungan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, sememangnya terdapat 16 buah perkampungan Orang Asli di Daerah Hulu Selangor. Daripada jumlah tersebut hanya satu kampung iaitu Kampung Orang Asli Tun Razak telah mendapat status tanah rizab. Manakala, 15 buah kampung lagi telah diangkat permohonan bagi mendapatkan status tanah rizab daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) semenjak tahun 1980.

Untuk makluman Yang Berhormat, JHEOA dari masa ke semasa mengadakan perbincangan dengan pihak Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) serta Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri berhubung usaha ke arah pemberimilikan tanah kepada masyarakat Orang Asli.

Selain itu juga, Kementerian ini menerusi JHEOA sedang dalam usaha ke arah melaksanakan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli yang telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara (MTN) pada 4 Disember 2009.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat bahawa kuasa melulus atau mengiktiraf mana-mana tanah sebagai Kawasan Orang Asli (KOA) atau Rizab Orang Asli dan pemberimilikan tanah kepada Orang Asli adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, pelaksanaan pemberian dan keluasan hak milik tanah tersebut adalah tertakluk kepada kemampuan dan budi bicara negeri-negeri berkaitan.

JAWAB LISAN

DARIPADA PEMBERITAH
UAN
TARIKH PERTANYAAN
DEWAN
BERLANGKAAT
SEKALAN KARYAT

TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**13 DISEMBER 2010 (ISNIN)****NO.36**

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah kolej komuniti yang Kerajaan bercadang untuk membangunkan di bawah RMKe-10 mengikut negeri dan jumlah peruntukan yang disediakan, adakah Kerajaan berhasrat menggunakan sistem PFI di dalam membantu mempercepatkan pembangunan kolej-kolej tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah tempoh *rolling plan* pertama RMKe-10 (2011-2012), tiada peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina kolej komuniti baru di seluruh negara. Kerajaan juga tidak bercadang untuk membina kolej komuniti berdasarkan skim *private finance initiative* (PFI) kerana ianya lebih sesuai digunakan untuk projek-projek yang mempunyai kos tinggi melebihi RM100 juta dan dilihat berdaya saing serta mampu memberikan pulangan kepada pihak swasta sepanjang tempoh konsesi.

NO. AUP : 5"?

NO. AUM : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]**
TARIKH **13 DISEMBER 2010**
RUJUKAN **3152**

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

(a) setakat ini berapa kes penipuan melalui Internet atau telefon yang telah dilaporkan dari setiap negeri sejak tahun 2000. Berapa pula yang berkaitan dengan "*Nigerian Scam*" dan melibatkan 80,000 orang warga Afrika yang kini dikesani sudah tinggal di Malaysia melebihi tempoh; dan

(b) apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan kes-

kes sedemikian dan apa program kesedaran yang dijalankan untuk mencegah lebih ramai orang daripada menjadi mangsa.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tawau
JAWAPAN:
yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak mempunyai rekod bagi kes-kes yang dilaporkan sejak dari tahun 2000 seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat. Sejak tahun 2008 hingga Jun 2010, sebanyak 2164 kes telah dilaporkan melibatkan penipuan melalui telefon dan 1816 kes penipuan melalui internet. Bagi kes yang berkaitan "Nigerian Scam" pula, terdapat sebanyak 750 kes telah dilaporkan bagi tempoh yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak sentiasa berusaha bagi membanteras kegiatan-kegiatan penipuan termasuklah yang melibatkan warga asing. Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti:

- (i) Membuat hebahan melalui media masa termasuk laman web PDRM mengenai kes-kes penipuan seperti ini termasuk modus operandi mereka; dan
- (ii) Memperketatkan saringan di pintu-pintu masuk negara bagi mengesan warga-warga asing yang terlibat dengan kes-kes jenayah.
- (iii) Mengadakan lebih kerap aktiviti-aktiviti seperti perjumpaan dengan kumpulan masyarakat untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai peranan mereka dalam membantu membanteras

jenayah dan juga menyebarkan maklumat berkenaan trend jenayah masa kini;

- (iv) Mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Imigresen dan lain-lain;
- (v) Mengadakan kerjasama erat di antara pihak polis dengan Pihak Berkuasa Tempatan, JKKK, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen bagi bersama-sama berusaha ke arah membanteras kegiatan jenayah;
- (vi) Meningkatkan kerjasama dengan pihak NGO, swasta dan media massa dalam membantu mengurangkan jenayah seperti mengadakan kempen, ceramah dan pameran berkaitan jenayah; dan
- (vii) Meningkatkan operasi besar-besaran disamping mengenakan tindakan undang-undang pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

NO. SOALAN:

38 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]**

TARIKH 13 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Transformasi Ekonomi sebagai jentera bagi meningkatkan sistem penyampaian antara swasta dan Kerajaan serta rakyat khususnya dalam pelaksanaan RMK-10 ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang sedia maklum, Program Transformasi Ekonomi (PTE) atau *Economic Transformation Program (ETP)* merupakan pendekatan dan enjin baru untuk merealisasikan komitmen Kerajaan supaya “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” mengikut Gagasan 1 Malaysia untuk mencapai Wawasan Negara untuk Malaysia menjadi

sebuah negara maju dan mencapai status berpendapatan tinggi menjelang **2020**.

Sudah dapat kita lihat bahawa semasa makmal-makmal NKEA dilaksanakan dari awal bulan Jun hingga penghujung Julai, seramai lebih 500 orang yang majoritinya terdiri daripada golongan professional kakitangan swasta telah melibatkan diri secara sukarela, memberi input dan idea-idea tentang bagaimana hendak membantu Negara mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Selain itu, Kerajaan beriltizam untuk terus mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Dengan tertubuhnya Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), pelbagai proses dan prosedur kerja serta dasar dan peraturan telah berjaya dinilai dan diperbaiki. Transformasi penyampaian perkhidmatan akan terus dipergiat menerusi tiga strategi utama iaitu:

- 1) Mengintegrasikan perkhidmatan merentasi agensi;
- 2) Mewujudkan keyakinan terhadap perkhidmatan berasaskan elektronik; dan
- 3) Mengamalkan perancangan, pemantauan dan penilaian berasaskan pencapaian (outcome-based planning, monitoring and evaluation).

Ini sama sekali menunjukkan kerajaan amat mementingkan sistem penyampaian antara swasta dan Kerajaan serta rakyat khususnya dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 dan Program Transformasi Ekonomi (PTE).

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI
BIN KHALID [PADANG BESAR]

TARIKH : 13 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan kenapa Kementerian tidak mempamerkan nombor telefon hotline di sepanjang lebuh raya, jalan-jalan persekutuan dan negeri yang diketahui mempunyai rekod kemalangan yang tinggi, bagi memudahkan orang awam memberi maklumat secara "real time" mengenai kenderaan-kenderaan yang dipandu secara merbahaya kepada orang awam.
Tuan Yang Di-Pertua;

JAWAPAN:

Kementerian Kerja Raya melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), termasuk syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sememangnya telah mewujudkan nombor talian *hotline* bebas tol sebagai medium aduan awam. Talian bebas tol tersebut berperanan sebagai saluran utama menghubungkan orang ramai dengan agensi-agensi di bawah operasi kementerian ini di samping saluran aduan sedia ada seperti surat, e-mel, faksimile, sistem pesanan ringkas (SMS), laman web, radio dan telefon. Nombor-nombor talian bebas tol tersebut telah dipamerkan melalui papan-papan tanda di lokasi-lokasi strategik di Jalan Persekutuan dan lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nombor talian *hotline* bebas tol yang dipamerkan di papan-papan tanda jalan di Jalan Persekutuan dan lebuhraya ini ialah merujuk kepada aduan, pandangan dan maklum balas orang ramai mengenai tahap perkhidmatan Jalan Persekutuan dan lebuhraya sahaja. Manakala maklumat-maklumat berkaitan nombor talian *hotline* bebas tol bagi agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Polis Di-Raja Malaysia sememangnya telah sedia dihebahkan kepada pengguna melalui media-media massa. Di samping itu, bagi mempertingkatkan tahap keselamatan di jalan raya, JKR dan LLM juga telah memasang papan-papan tanda amaran, khususnya di laluan yang berisiko kemalangan seperti di selekoh dan persimpangan jalan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Kerja

Raya sentiasa komited mengenai keselamatan pengguna di jalan raya dan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Ini bagi memastikan jumlah kemalangan jalan raya di negara ini dapat dikurangkan menerusi pelbagai program dan kempen-kempen keselamatan dan kesedaran yang dijalankan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN	BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA	TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH	13 DISEMBER 2010
SOALAN	40

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini cadangan sistem pelaksanaan Undang-undang secara Automatik (Automatic Enforcement System, AES), jumlah kos terlibat untuk melaksanakan sistem ini serta sama ada proses tender terbuka akan dijalankan.

JAWAPAN

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Sistem Penguatkuasaan Kesalahan Lalu lintas Secara Automatik (AES) masih belum bermula kerana pelaksanaannya tertakluk kepada pindaan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. Bagi maksud ini, Kerajaan telah meminda APJ 1987 dan telah pun membentangkannya untuk bacaan kali pertama dalam Dewan Yang Mulia ini pada 13 Oktober 2010. Pelaksanaan sistem ini dijangka akan bermula sebaik sahaja pindaan tersebut diluluskan dalam sidang dewan yang berlangsung pada kali ini.

kejayaan yang telah dicapai sejak ia ditubuhkan sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan Pengaturan Pembayaran Perdagangan berasaskan Emas atau *Gold-based Trade Payments Arrangement* (GTPA) dalam tahun 2003 untuk melaksanakan pembayaran dan penjelasan perdagangan antarabangsa. Mekanisme ini adalah sama seperti Pengaturan Pembayaran Dua Hala atau *Bilateral Payments Arrangement* yang sedia ada, dimana baki bersih perdagangan antara dua buah negara dijelaskan secara berkala. Bagi GTPA, pembayaran dan penjelasan akan dilaksanakan dengan menggunakan emas dan bukannya dengan mata wang asing.

Bank Negara Malaysia telah bekerjasama rapat dengan Bank Pembangunan Islam untuk menarik minat negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) terhadap mekanisme GTPA. Bank Negara Malaysia juga telah menghubungi beberapa buah negara anggota OIC untuk turut sama melaksanakan mekanisme GTPA. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada negara-negara tersebut tidak dapat menerima mekanisme GTPA disebabkan halangan dalam sistem perundangan dan perlembagaan negara masing-masing.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH

13 DISEMBER 2010

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keluasan tadahan air yang telah diwartakan dan belum lagi diwartakan mengikut pecahan negeri. Apakah tindakan untuk memastikan kawasan tadahan air Sungai Muda terjamin dan tidak diancam oleh aktiviti pembalakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang sejumlah 750,923 hektar dari kawasan Hutan Tadahan Air (HTA) yang dikenalpasti telahpun diwartakan dan bakinya seluas 90,685 hektar masih dalam proses pewartaan. Butiran kawasan HTA mengikut negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Negeri	Dikenalpasti (hektar)	Telah Diwartakan (hektar)	Baki Belum Diwartakan (hektar)
Johor	85,596	85,596	
Kedah	121,904	31,219	90,685
Kelantan	35,898	35,898	
Melaka	1,176	1,176	
Negeri Sembilan	51,020	51,020	
Pahang	285,862	285,862	
Perak	159,866	159,866	
Perlis	4,380	4,380	
Pulau Pinang	3,121	3,121	
Selangor	43,678	43,678	
Terengganu	49,107	49,107	
W. Persekutuan	0	0	
JUMLAH	841,608	750,923	90,685

Secara umumnya, kelulusan kawasan pembalakan pada masa ini tidak melibatkan kawasan Hutan Tadahan Air. Selain itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah pun mengambil beberapa langkah proaktif dalam mengurangkan kesan aktiviti perhutanan dalam Kawasan Hutan Tadahan Air. Tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dan JPSM adalah di peringkat dasar dengan menyediakan garis- garis panduan bagi tujuan pengurusan dan bukannya menjurus kepada pengurusan kawasan yang tertentu.

Di antara tindakan yang telah diambil termasuklah menggesa Kerajaan Negeri melalui

Jabatan Perhutanan Negeri supaya mempercepatkan proses pewartaan Kawasan Hutan Tadahan Air. Selain itu, Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air 2009 telah pun disediakan dan diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara Ke-22 (MPN22) pada 24 November 2009. Kaedah-Kaedah ini menguruskan Kawasan Hutan Tadahan Air termasuk di kawasan tadahan air Sungai Muda seperti berikut:

- i) Garis panduan dalam menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air;
- ii) Menetapkan supaya Pihak Berkuasa Negeri menubuhkan Jawatankuasa bagi pembangunan dan pengurusan Hutan Tadahan Air yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakil. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia atau wakil, wakil-wakil daripada Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta wakil pengurusan air Negeri atau pihak berkuasa yang menjaga bekalan air. Sementara Pengarah Perhutanan Negeri bertindak selaku urusetia. Fungsi Jawatankuasa adalah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air 2009 tersebut; dan
- iii) Memberi peruntukan kuasa berlandaskan budi bicara Pihak Berkuasa Negeri dalam mengenai pasti serta mengenakan sekatan terhadap aktiviti dalam Hutan Tadahan Air.

Selain itu, pihak JPSM juga telahpun menubuhkan Stesyen Tetap Pemantauan Kualiti Air dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia dan salah satu dari stesyen tersebut terletak di Hutan Simpan Ulu Muda. Tujuannya adalah untuk membolehkan JPSM memantau kualiti air sungai serta membantu dalam menyediakan perancangan untuk pembangunan dan pengurusan Hutan Tadahan Air.

Sekian, terima kasih.

SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

Y.B. TUAN TAN KOK WAI

[CHERAS]

TARIKH

13 DISEMBER 2010

SOALAN

Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

Bagaimanakah Pavilion Malaysia di World Expo, Shanghai disesuaikan dengan tema "*better city, better life*"

JAWAPAN
Tuan Yang di-Pertua,

“Better City, Better Life” merupakan tema umum World Expo Shanghai 2010. Bagi maksud penyesuaian, penyertaan Malaysia telah menggunakan tema *“Malaysia: Harmonized City Living”* bagi Pavilion Malaysia yang bertujuan memberi pengalaman secara menyeluruh atau *holistik* kepada para pengunjung disamping bersesuaian dengan tema umum. Tema ini telah digunakan dan digambarkan melalui elemen-elemen berikut:

- a) Menonjolkan bandaraya di Malaysia sebagai *‘City with Soul’* di mana kepelbagaian kaum dan etnik di Malaysia tinggal di dalam keadaan yang aman dan harmoni. Sebagai contoh, etnik Baba dan Nyonya diketengahkan sebagai sub-kebudayaan yang terhasil daripada percampuran budaya dan pergaulan harmoni masyarakat Melayu dan Cina di Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak UNESCO juga telah memberikan pengiktirafan kepada warisan di Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang sebagai tapak warisan dunia pada tahun 2008;
- b) Menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang kaya dengan khazanah alam semulajadi walaupun melalui arus kemajuan dan modenisasi. Ia menunjukkan bahawa pembangunan bandar-bandar utama di Malaysia tidak menjejaskan usaha konservasi dimana

kehijauan hutan masih terdapat berhampiran dengan bandar-bandar utama, seperti Hutan Simpan Bukit Nenas di tengah-tengah Kuala Lumpur, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) di Selangor dan Taman Botani di Pulau Pinang. Malaysia juga berbangga dengan hutan hujan berusia 130 juta tahun yang turut ditonjolkan di Pavilion Malaysia;

- c) Menara Berkembar Petronas dan KL *skyline* pula menonjolkan kemodenan dan kemajuan bandaraya Kuala Lumpur;
- d) Pameran kesenian dan kebudayaan pula bertujuan menonjolkan gaya hidup serta kraftangan tempatan. Demonstrasi pembuatan batik juga telah diadakan bagi mengenengahkan kraftangan utama di Malaysia. Sementara itu tarian 1 Malaysia yang menonjolkan tarian pelbagai kaum turut dipersembahkan setiap hari bagi menampilkan kebudayaan masyarakat Malaysia;
- e) Sebagai gambaran gaya hidup yang selesa dan sihat di Malaysia, aktiviti-aktiviti sukan seperti golf dan Formula 1 turut dipamerkan di pavilion Malaysia manakala maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti sukan bertaraf antarabangsa yang dianjurkan di Malaysia seperti *Le Tour De Langkawi*, Monsoon Cup, Kinabalu Climbathon dan Ipoh International Run turut dimuatkan dalam

'touch screen' yang terdapat di dalam pavilion;

- f) Menonjolkan Malaysia sebagai pusat membeli-belah yang unggul dan *'vibrant'*, dengan pameran dan jualan barangan buatan Malaysia seperti pewter, batik, koko, barangan kulit dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, barangan yang dijual di Pavilion Malaysia juga merupakan barangan yang gemar dibeli sebagai cenderamata oleh pelancong yang datang ke Malaysia; dan

- g) Malaysia juga ditonjolkan sebagai pusat eksport melalui pameran komoditi utama dan barangan buatan Malaysia oleh pihak MATRADE.

SOALAN NO. 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM

(PKR) (KAPAR)

TARIKH 13 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM (PKR) (KAPAR) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan

- (a) jumlah peruntukan di bawah Skim Bantuan Segera Persekutuan Bagi Kawasan Parlimen (BSKP) yang telah disalurkan ke kawasan Parlimen Kapar dan seluruh negeri Selangor; dan
- (b) nyatakan bagaimana peruntukan tersebut disalurkan kepada penerima.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin kepada rakyat khususnya kumpulan sasar yang memerlukan bantuan. Justeru itu, Kerajaan telah mewujudkan satu skim Bantuan Segera Persekutuan Bagi Kawasan Parlimen sebagai satu kaedah bagi mempercepatkan proses penyampaian bantuan kepada kumpulan sasar yang memerlukan.

Bagi kawasan Parlimen Kapar, agihan peruntukan ini disalurkan kepada Pengarah

Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sebanyak RM30,000.00 dan Pengerusi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) Parlimen Kapar sebanyak RM20,000.00 setahun.

Peruntukan skim bantuan tersebut untuk tahun 2010 di seluruh Negeri Selangor yang melibatkan 22 kawasan Parlimen adalah sebanyak RM1.1 juta.

Skim bantuan ini meliputi enam (6) kumpulan sasaran yang memerlukan seperti berikut:-

- i. Pesakit Kronik dengan kadar RM500.00;
- ii. Mangsa bencana/kemalangan dengan kadar RM200.00;
- iii. Kematian dengan kadar RM300.00;
- iv. Terdampar dengan kadar RM200.00;
- v. Membaiki rumah akibat bencana alam dengan kadar RM500.00; dan
- vi. Orang Miskin dengan kadar RM200.00.

Bagi memastikan skim bantuan ini disalurkan dengan cepat kepada kumpulan sasaran, maka peruntukan kewangan setiap tahun diagihkan kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pengerusi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) mengikut kawasan masing-masing.

Sebagai langkah mempercepatkan proses siasatan atau semakan dan kelulusan bantuan ini kepada penerima-penerima, maka Pengerusi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri diberikan kuasa menguruskan bantuan tersebut mengikut panduan pengurusan yang disediakan oleh Kementerian.